



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN KAWALAN
JANGKITAN COVID-19 DI INSTITUSI
ORANG KURANG UPAYA (OKU)
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKASURAT
1. Pengenalan	2
2. Tujuan	2
3. Kumpulan Sasar	3
4. Prinsip Asas Pencegahan Dan Kawalan Jangkitan COVID-19	3 – 4
5. Peranan Dan Tanggungjawab Ketua Institusi	5 – 7
6. Langkah-Langkah Pencegahan dan Kawalan Jangkitan COVID-19 di Institusi Orang Kurang Upaya	
6.1 Penjagaan Kesihatan Penghuni	8 – 10
6.2 Penjagaan Kesihatan Kakitangan	10 – 14
6.3 Pengurusan Penghuni Yang Mempunyai Gejala Seperti Demam, Batuk, Selesema dan Sakit Tekak	14 – 15
6.4 Pengurusan Bilik Pengasingan	15 – 16
6.5 Pengurusan Ketika Berlaku Wabak COVID-19 Di Institusi OKU	16 – 17
6.6 Pengurusan Kemasukan Penghuni Baharu, Penerimaan Kes Tetap dan Sementara (Tempat Selamat dan Akta Keganasan Rumah Tangga) serta Kes Tumpang	17 – 18
6.7 Latihan dan Aktiviti Penghuni di Institusi	19 – 20
6.8 Penglibatan Penghuni dalam Program/Aktiviti di Luar Institusi	20 – 22
6.9 Pengurusan Pelawat Institusi	22 – 26
6.10 Pengurusan Jenazah Penghuni	26 – 27
6.11 Pengurusan Sanitasi dan Disinfeksi	27
7. Penutup	28
8. Lampiran	29 – 38
9. Rujukan	39

**GARIS PANDUAN
PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN COVID-19
DI INSTITUSI ORANG KURANG UPAYA, JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT**

1. PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan golongan yang mempunyai tahap kesihatan yang rendah dan berisiko untuk mudah dijangkiti penyakit (*Centers for Disease Control and Prevention*, Amerika Syarikat). Justeru, selaras dengan saranan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), langkah-langkah pencegahan dan kawalan penyakit perlu dilaksanakan oleh semua pihak bertanggungjawab bagi melindungi golongan yang berisiko termasuk OKU yang berada di Institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Taman Sinar Harapan, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi dan Bengkel Daya.

2. TUJUAN

- 2.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pengurusan kesihatan penyakit COVID-19 di institusi OKU JKM bagi mencegah dan mengawal risiko jangkitan COVID-19.
- 2.2 Garis panduan ini terpakai kepada semua institusi OKU di bawah JKM dan disarankan kepada semua pertubuhan bukan kerajaan (NGO), persendirian dan swasta yang menjalankan perkhidmatan intervensi awal dan pemulihan orang kurang upaya (OKU).
- 2.3 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan akta-akta, surat pekeliling ikhtisas, surat siaran dan arahan terkini serta peraturan berkaitan yang sedang berkuat kuasa.

3. KUMPULAN SASAR

Garis Panduan ini boleh diguna pakai oleh:

- 3.1 Institusi OKU Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu Taman Sinar Harapan, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan, Bengkel Daya dan Pusat Khidmat Setempat (PKS);
- 3.2 Dokumen ini adalah sebagai rujukan untuk Ketua Institusi, kakitangan, penghuni dan pelawat Institusi OKU, JKM.

4. PRINSIP ASAS PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN COVID-19 (AMALKAN 3W DAN ELAKKAN 3C)

Penyediaan garis panduan ini berdasarkan kepada prinsip-prinsip asas pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 yang perlu diamalkan oleh semua individu (Ketua Institusi, kakitangan, penghuni dan pelawat) yang berurusan di institusi OKU JKM. Prinsip tersebut adalah seperti berikut:

4.1. Amalkan mencuci tangan dengan air dan sabun (wash)

Amalan cuci tangan yang kerap menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*) (Lampiran 1);

4.2. Amalkan pemakaian alat perlindungan diri (wear)

Ketua Institusi, kakitangan, penghuni dan pelawat digalakkan menggunakan alat perlindungan diri pada setiap masa seperti memakai pelitup separuh muka.

Sekiranya tidak memakai pelitup separuh muka, sentiasa amalkan etika batuk dan bersin (Lampiran 2) bagi mencegah transmisi penyakit.

4.3. Amalkan memberi peringatan (warn) bagi penjarakan fizikal

Memberi amaran berkonsepkan peringatan untuk berada pada jarak yang selamat, sekurang-kurangnya 1 meter daripada individu lain dan mengamalkan polisi tidak bersalaman (letak tangan di dada dan tunduk sedikit sebagai tanda hormat).

4.4 Elakkan Tempat Sesak (*Crowded Places*)

Mengelakkan/mengurangkan aktiviti di tempat sesak pada setiap masa. Elakkan aktiviti di tempat yang sesak dan yang memerlukan OKU berkumpul beramai-ramai. Contohnya mengadakan roll call di ruang perhimpunan atau makan di kantin.

4.5 Elakkan Tempat Tertutup (*Confined Spaces*)

Elakkan berada di ruang/tempat tertutup pada setiap masa seperti di ***pantry***, **surau** dan **ruang rehat**. Pastikan ruangan tertutup mempunyai pengudaraan yang baik.

4.6 Elakkan Bercakap Jarak Dekat (*Close Conversation*)

Elakkan bercakap secara dekat semasa mengadakan sebarang aktiviti seperti **bermesyuarat**, **bercakap di kaunter**, **semasa di ruang kerja**, **ruang rehat** dan **dalam asrama**.

5. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB KETUA INSTITUSI

Ketua Institusi adalah bertanggungjawab untuk:

- 5.1 Memastikan setiap individu yang berada di institusi OKU mengamalkan prinsip-prinsip asas pencegahan dan kawalan jangkitan COVID-19 (AMALKAN 3W DAN ELAKKAN 3C) seperti yang disarankan oleh KKM, pada setiap masa.
- 5.2 Memastikan katil penghuni dijarakkan sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain;
- 5.3 Meletakkan label penjarakan fizikal seperti tanda jarak sekurang-kurangnya 1 meter, di lantai ruang umum.
- 5.4 Menyediakan laluan masuk dan keluar premis secara terarah dan sehalu bagi mengawal pergerakan OKU dan petugas/kakitangan pada satu-satu masa dan mengelakkan kesesakan ruang.
- 5.5 Memastikan premis menjalankan aktiviti pembersihan dan disinfeksi setiap hari termasuk mencuci, mengelap atau menyembur permukaan peralatan yang kerap disentuh seperti pemegang pintu, suis lampu, rail tangga, mesin fotostat, telefon, sinki, kepala paip, pemegang *flush* tandas dan peralatan lain seperti meja dan kerusi sekurang-kurangnya dua kali sehari. Disinfeksi perlu dilakukan menggunakan cecair disinfektan / detergen yang disyorkan (Lampiran 3).
- 5.6 Menyediakan:
 - i. Alat perubatan seperti *thermometer infrared* tanpa kontak untuk saringan suhu badan;

- ii. Alat pelindung diri yang mencukupi seperti pelitup separuh muka;
- iii. Alatan untuk mencuci tangan yang secukupnya iaitu sabun yang bersesuaian dan air atau cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*)

5.7 Menyediakan bahan-bahan maklumat kesihatan dan latihan berkaitan perkara berikut:

- i. Amalan penjarakan fizikal yang selamat sekurang-kurangnya 1 meter;
- ii. Amalan kebersihan diri yang optimum kepada kakitangan dan penghuni seperti amalan cuci tangan dengan air dan sabun atau *hand sanitizer* yang betul

Ketua Institusi boleh mendapatkan bantuan bahan pendidikan kesihatan seperti infografik di laman web KKM dan latihan bersesuaian daripada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang terdekat; dan

- iii. Penggunaan dan pengurusan alat pelindung diri yang betul (Lampiran 2).

5.8 Ketua Institusi digalakkan untuk mendaftar aplikasi MySejahtera (<http://mysejahtera.malaysia.gov.my/checkin>) bagi mendapatkan kod QR MySejahtera Check-In dan mempamerkan kod QR tersebut di pintu masuk premis.

- i. Penggunaan aplikasi MySejahtera digalakkan bagi tujuan merekod kehadiran setiap hari, selain daripada pendaftaran secara manual bagi tujuan rekod. Individu perlu memuat turun aplikasi MySejahtera, mengimbas kod QR MySejahtera Check-In yang dipamerkan di pintu masuk, sebelum masuk ke premis;
- ii. Aplikasi MySejahtera juga amat bermanfaat bagi mengetahui informasi terkini berkenaan COVID-19.

- 5.9 Ketua Institusi perlu memaklumkan PKD terdekat dengan segera jika terdapat penghuni dianggap PUI (orang di bawah siasatan). Patuhi arahan pihak PKD dalam mengawal jangkitan COVID-19.
- 5.10 Memastikan semua kakitangan dan penghuni berada pada tahap kesihatan yang optimum. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Institusi memastikan penghuni dan kakitangan:
- i. Disaring gejala seperti demam (suhu badan melebihi 37.5°C), selesema, batuk, sakit tekak dan sesak nafas setiap hari;
 - ii. Mendapat rawatan segera jika bergejala / tidak sihat;
 - iii. Penghuni mempunyai bekalan ubatan mencukupi dan mematuhi temujanji rawatan.
- 5.11 Ketua Institusi perlu mengenalpasti dan menyediakan tempat pengasingan seperti bilik khas atau ruang khas bagi menempatkan penghuni yang tidak sihat atau penghuni di bawah siasatan (PUI). Tempat pengasingan dilabelkan dan digalakkan menyediakan peralatan yang khusus seperti termometer dan sebagainya. Peralatan tidak boleh dikongsi.

6. LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN KAWALAN JANGKITAN COVID-19 DI INSTITUSI OKU JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.1 PENJAGAAN KESIHATAN PENGHUNI			
6.1.1 Pemeriksaan suhu badan penghuni dan saringan gejala seperti batuk, selsema, sesak nafas dan sebagainya. Rekod nama setiap penghuni dalam log klinik.	Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat/ PPK Kanan/ PPK / PKM	2 kali sehari	
6.1.2 Petugas hendaklah memastikan penghuni mengamalkan:	PPK / Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat/ PKM	Setiap hari	
i. Kerap membasuh tangan menggunakan sabun sebelum dan selepas menjalani aktiviti.		Setiap hari	
ii. Mengamalkan penjarakan sosial dengan jarak sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain.		Setiap hari	
iii. Memaklumkan segera kepada Petugas sekiranya mereka demam, batuk, selesema dan sakit tekak.			

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.1.3 Pengurusan Penghuni di asrama i. Melaksanakan sanitasi semua peralatan yang digunakan oleh penghuni. ii. Membuka tingkap bagi pengaliran udara segar setiap hari. iii. Pakaian penghuni yang sakit kulit direbus dan diasingkan di tempat lain. iv. Katil penghuni disusun antara satu sama lain dengan jarak sekurang-kurangnya 1 meter. v. Memastikan penghuni tidak mandi dalam kumpulan yang ramai pada satu-satu masa. Hanya bilangan kecil atau 1/2 daripada jumlah sepatutnya dibenarkan serta hendaklah mengekalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.	PKM/PPK	Sepanjang masa	

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.1.4 Pengurusan di Dewan Makan/ Kafeteria i. Susun atur meja dengan jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan fizikal selamat diamalkan. ii. Tempat duduk mestilah ditandakan pangkah bagi tempat yang ingin dikosongkan. iii. Perlu menyatakan dengan jelas bilangan penghuni yang dibenarkan pada satu-satu masa untuk memenuhi keperluan penjarakan fizikal yang selamat. iv. Bagi penghuni yang perlu dibantu semasa makan seperti perlu disuap dan diberi minuman, petugas hendaklah memakai perlindungan diri seperti pelitup separuh muka dan sarung tangan.	PKM/PPK	Setiap kali semasa makan	
6.2 PENJAGAAN KESIHATAN KAKITANGAN 6.2.1 Pemeriksaan suhu dan saringan gejala kepada petugas sebelum memulakan waktu bertugas. Bacaan suhu melebihi 37.5°C dan atau	PKM/PPK/ Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat	Setiap hari	

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
bergejala (selesema, batuk, sakit tekak, sesak nafas) perlu diarahkan balik. 6.2.2 Catat kehadiran kakitangan yang tidak sihat setiap hari untuk memantau status kesihatan mereka. Sekiranya didapati bilangan kakitangan tidak sihat meningkat atau lebih dari biasa, lapor kepada PKD untuk siasatan lanjut. 6.2.3 Kakitangan tidak dibenarkan untuk bekerja sekiranya tidak sihat dan dinasihat untuk mendapatkan rawatan segera di klinik atau hospital. 6.2.4 Melaksanakan pembersihan institusi dengan kerap dan menyediakan kemudahan dan alatan yang mencukupi seperti cecair nyahkuman/detergen. 6.2.5 Memastikan pengudaraan yang baik di institusi. 6.2.6 Petugas institusi dinasihat untuk mengamalkan kebersihan diri dan langkah pencegahan: i. Digalakkan memakai pelitup separuh muka sepanjang tempoh bertugas di institusi;			

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
ii. Kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer; iii. Mengamalkan etika batuk dan bersin iv. Elakkan berada di tempat tumpuan orang ramai dan mengamalkan penjarakan sosial yang selamat; dan v. Sekiranya bergejala, segera dapatkan rawatan dan tidak dibenarkan ke tempat kerja. 6.2.7 Mesyuarat dan Latihan Kakitangan i. Menangguhkan mesyuarat/ latihan yang tidak penting. ii. Melaksanakan mesyuarat dan latihan kakitangan menerusi kaedah komunikasi alternatif (secara maya atas talian mengikut keperluan). iii. Sekiranya mesyuarat secara bersemuka perlu diadakan, pastikan semua prosedur dan langkah kawalan dipatuhi (rujuk SOP Am Pelaksanaan Majlis Kerajaan dan Swasta, oleh Majlis Keselamatan Negara);	Ketua Institusi/ PKM		

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
iv. Memastikan semua ahli mesyuarat diberi maklumat berkaitan peraturan dan langkah kawalan yang perlu dipatuhi sepanjang waktu mesyuarat berjalan; v. Setiap ahli mesyuarat digalakkan memakai pelitup separuh muka serta kerap mencuci tangan menggunakan air dan sabun atau <i>hand sanitizer</i>; vi. Memastikan susunan ahli mesyuarat mematuhi penjarakan sosial yang selamat; vii. Maklumat ahli mesyuarat yang hadir perlu disimpan sekiranya terdapat keperluan untuk menghubungi mereka. Rekod perlu disimpan sekurang-kurangnya 3 bulan; dan viii. Ketua Institusi hendaklah segera memaklumkan kepada semua ahli mesyuarat jika terdapat ahli mesyuarat yang hadir bersama disyaki mengalami jangkitan Covid-19 supaya mereka dapat mengambil langkah pencegahan dan			

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
menghubungi berdekatan. PKD			
6.3 PENGURUSAN PENGHUNI YANG MEMPUNYAI GEJALA SEPERTI DEMAM, BATUK, SELESEMA DAN SAKIT TEKAK 6.3.1 Segera asingkan penghuni yang tidak sihat/ bergejala ke bilik pengasingan. 6.3.2 Jika penghuni kebergantungan penuh (<i>dependent occupant</i>), pengendalian penghuni tersebut dilakukan oleh kakitangan yang sama dan terhad kepada hanya satu atau dua orang kakitangan sahaja. 6.3.3 Sebaik-baiknya khususkan seorang kakitangan untuk menjaga penghuni bagi mengurangkan interaksi dengan kakitangan lain. 6.3.4 Kakitangan yang mengendali penghuni bergejala perlu memakai alat pelindung diri iaitu seperti pelitup separuh muka, sarung tangan dan lain-lain alat pelindung diri yang bersesuaian. 6.3.5 Penghuni bergejala hendaklah dihantar ke	Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat/ PPK Kanan/ PPK/ PKM		

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.4.4 Pemeriksaan suhu badan penghuni dan pegawai bertugas perlu dilakukan setiap hari. 6.4.5 Perkongsian peralatan dan penjagaan diri penghuni tidak dibenarkan sama sekali			
6.5 PENGURUSAN KETIKA BERLAKU WABAK COVID-19 DI INSTITUSI OKU 6.5.1 Definisi wabak keadaan di mana sekurang-kurangnya seorang penghuni atau kakitangantelah disahkan positif COVID-19. 6.5.2 Sekiranya terdapat kes yang disyaki atau disahkan, maklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berhampiran. 6.5.3 PKD yang terdekat akan terlibat secara langsung dalam pengurusan wabak di institusi. Ketua Institusi, kakitangan dan penghuni dinasihatkan bertenang dan menunggu arahan selanjutnya yang akan dikeluarkan oleh PKD. Sila patuhi arahan yang dikeluarkan oleh PKD. 6.5.4 Jika berlaku wabak, premis mesti ditutup serta merta,	Ketua Institusi/ Timbalan Ketua Institusi/ Jururawat Terlatih		

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
dikuarantin dan dinyahkuman atas nasihat PKD. 6.5.5 Makluman perlu diberikan kepada Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri, Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan keluarga penghuni. 6.5.6 Pelawat tidak dibenarkan untuk melawat penghuni ketika wabak berlaku. 6.5.7 Institusi hanya beroperasi apabila mendapat kebenaran dari PKD.			
6.6 PENGURUSAN KEMASUKAN PENGHUNI BAHARU, BERCUTI, PENERIMAAN KES TETAP DAN SEMENTARA (TEMPAT SELAMAT & AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA) SERTA KES TUMPANG 6.6.1 Sebaik-baiknya elakkan kemasukan penghuni baharu.	PKM	Sepanjang masa	Borang RKK3

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.6.2 Sekiranya ada, semua penerimaan kemasukan baharu hendaklah dipastikan telah dibuat saringan gejala Covid-19 oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) terlebih dahulu. Penghuni berkenaan juga perlu dikuarantin selama 14 hari di bilik pengasingan sebagai langkah pencegahan dan kawalan keselamatan tambahan oleh Institusi.	Jururawat Terlatih/ Jururawat Masyarakat / PKM	14 hari	Lampiran 4
6.6.3 Pegawai yang menghantar kes perlu: i. Menjalani pemeriksaan suhu ii. Mengisi boring akuan pengisytiharan kesihatan.	PKM	Sewaktu ketibaan	Lampiran 4
6.6.4 Seorang Pegawai sahaja dibenarkan mengiringi penghuni.			
6.6.5 Pegawai dan penghuni wajib memakai pelitup separuh muka sepanjang proses penyerahan penghuni			

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.7 LATIHAN DAN AKTIVITI PENGHUNI DI DALAM INSTITUSI 6.7.1 Penjarakan kedudukan dalam kelas hendaklah sekurang-kurangnya 1 meter antara satu sama lain. 6.7.2 Mencuci tangan atau menggunakan <i>hand sanitizer</i> sebelum dan selepas menjalani aktiviti. 6.7.3 Dilarang membuat aktiviti dalam kumpulan besar. Jumlah yang dihadkan kurang daripada 10 orang atau mengikut keluasan ruang aktiviti 6.7.4 Memilih aktiviti penghuni yang bersesuaian yang tidak melibatkan aktiviti bersentuhan dan perkongsiaan peralatan. 6.7.5 Tidak dibenarkan bersalaman dengan tenaga pengajar atau penghuni lain. Memastikan tenaga pengajar mengawasi kumpulan OKU yang sama setiap hari 6.7.6 Ruang aktiviti dan peralatan perlu disanitasi sebelum dan selepas digunakan.	Pengajar / Jurupulih Carakerja / Jurupulih Fisioterapi / PKM / PPK / Pembantu Penyediaan Makanan	Sepanjang masa	

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.7.7 Membuka tingkap di bilik dan ruang aktiviti bagi pengaliran udara sedar setiap hari. 6.7.8 Membatas pergerakan OKU merentas blok atau kelas bagi mengurangkan keberangkatan jangkitan COVID-19			
6.8 PENGLIBATAN PROGRAM / AKTIVITI DI LUAR INSTITUSI 6.8.1 Penghuni sentiasa diberikan peringatan tentang penjagaan asas kesihatan seperti kerap mencuci tangan/penggunaan <i>hand sanitizer</i>, mengamalkan etika bersin atau batuk, memakai pelitup separuh muka dan mengamalkan penjarakan sosial yang selamat setiap kali menjalani aktiviti di luar institusi. 6.8.2 Dilarang membuat aktiviti dalam kumpulan besar. Jumlah yang dihadkan kurang daripada 20 orang atau mengikut kapasiti kenderaan yang digunakan bagi mengambil kira penjarakan sosial. (rujuk SOP Sektor Pengangkutan Awam Darat, oleh Majlis Keselamatan Negara).	Pengajar / Jurupulih Carakerja / Jurupulih Fisioterapi / PKM / PPK	Sepanjang masa	

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.8.3 Penghuni OKU dan kakitangan pengiring wajib memakai pelitup separuh muka sepanjang berada di dalam kenderaan. 6.8.4 Penghuni OKU yang tidak mampu mengendalikan sendiri pelitup separuh muka tidak dibenarkan menggunakannya. 6.8.5 Disarankan memakai pelitup separuh muka apabila keluar dari kenderaan. 6.8.6 Kenderaan yang dinaiki oleh penghuni perlu sentiasa disanitasi dan didisinfeksi seperti tombol pintu, selusur tangan serta semua permukaan luar dan dalam kenderaan. 6.8.7 Digalakkan sentiasa memakai pelitup separuh muka dan mencuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer sebelum dan selepas melaksanakan program aktiviti. 6.8.8 Penghuni dan kakitangan yang mengiringi hendaklah mengamalkan penjarakan sosial yang selamat pada setiap masa.			

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
ii. Sejarah perjalanan ke luar negara sehingga disahkan tamat tempoh kuarantin; iii. Sejarah kontak rapat dengan pesakit COVID-19 dalam tempoh 14 hari sebelum hari lawatan; dan iv. Sejarah kontak rapat dengan sesiapa yang telah diuji untuk COVID-19 dalam tempoh 14 hari sebelum hari lawatan; 6.9.5 Pelawat tidak dibenarkan, melainkan: i. Ingin melawat penghuni yang nazak (<i>end of life</i>); ii. Dipanggil oleh pengurusan institusi untuk tujuan membantu mengendalikan penghuni yang menunjukkan kesukaran tingkah laku seperti tingkah laku mencabar; iii. Syarikat membaikpulih (<i>maintenance</i>) fasiliti (contoh kontraktor)	Ketua Institusi/	Sepanjang masa	

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.9.6 Pelawat perlu membersihkan tangan dengan menggunakan air dan sabun atau cecair pembasmi kuman sebelum memasuki dan selepas meninggalkan institusi. Pelawat hendaklah memakai pelitup separuh muka sepanjang berada di Institusi; 6.9.7 Dalam keadaan yang tidak diingini di mana pelawat didapati positif atau jika terdapat sejarah perjalanan atau risiko terdedah hanya diketahui selepas pelawat pulang: i. semua kakitangan dan penghuni yang ada kontak rapat atau telah bersentuhan dengan pelawat tersebut perlu terus diasingkan. ii. Premis mesti ditutup serta merta, dikuarantin dan dinyahkuman. iii. PKD terdekat perlu dimaklumkan dengan segera. iv. Kakitangan yang mempunyai kontak rapat dengan pelawat berkenaan tidak	PKM/ Juruawat Terlatih/ Pengawal Keselamatan PKM		

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
dibenarkan untuk hadir bekerja sehingga keputusan ujian COVID-19 mereka negatif dan melengkapkan 14 hari kuarantin. v. Penghuni tidak dibenarkan pulang ke rumah sehingga keputusan ujian COVID-19 negatif dan melengkapkan tempoh kuarantin diri selama 14 hari. 6.9.8 Pelawat yang terdiri dari NGO, sukarelawan, pihak swasta dan orang perseorangan yang menguruskan misi bantuan sosial kepada institusi: i. Perlu mengurangkan majlis sosial seperti majlis penyerahan sumbangan, majlis perasmian dan jamuan makan. ii. Jika sumbangan berbentuk fizikal, perlu diserahkan kepada PKM bertugas di pintu masuk Institusi. iii. Kehadiran dan nombor telefon pelawat direkodkan	Pengawal Keselamatan	Sepanjang masa	Buku Daftar Sumbangan

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.9.9 Pembekal makanan bermasak digalakkan membekalkan makanan secara berbungkus. Pihak pembekal juga perlu pastikan langkah-langkah mencegah keracunan makanan diamalkan mengikut garispanduan (rujukan Garis Panduan Penyediaan Makanan Bersih dan Selamat Di Kantin dan Dapur Asrama, oleh Bahagian Kualiti Kesihatan Makanan, KKM)			
6.10 PENGURUSAN JENAZAH PENGHUNI 6.10.1 Menghadkan jumlah individu mengurus jenazah mengikut arahan terkini termasuk waris penghuni. (rujuk SOP Sektor Sosial Kementerian Perpaduan Negara: Aktiviti Dan Protokol Pengurusan Kematian Di Rumah oleh Majlis Keselamatan Negara) 6.10.2 Mengamalkan penjarakan sosial yang selamat, memakai pelitup separuh muka dan mencuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer sebelum dan selepas pengurusan jenazah.	Pengetua / Timbalan Pengetua Ketua Institusi/ Timbalan Ketua Institusi/ PKM / PPK / Penghuni	Sepanjang masa	

PERKARA	TANGGUNG JAWAB	KEKERAPAN	LAMPIRAN
6.10.3 Kenderaan/van jenazah perlu disanitasi sebelum dan selepas digunakan. 6.10.4 Kematian akibat COVID-19 perlu mematuhi prosedur dan arahan KKM	Pemandu		
6.11 PENGURUSAN SANITASI BANGUNAN 6.11.1 Melakukan sanitasi dan disinfeksi pada seluruh kawasan bangunan pejabat dan berkediaman/ asrama serta tempat latihan. 6.11.2 Ketua Institusi boleh berkolaborasi dengan syarikat kontraktor sedia ada atau dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Bomba, Jabatan Kesihatan atau pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Kelulusan adalah melalui JKM negeri dan JPOKU.	Ketua Institusi	Mengikut panduan KKM	Surat Permohonan TSH

7. PENUTUP

Garis panduan ini dapat dijadikan rujukan kepada semua institusi OKU JKM dalam pencegahan dan pengawalan jangkitan COVID-19.

Disediakan oleh:
Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya
Ogos 2020

Diluluskan oleh

Zulkifli bin Ismail
Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
Ogos 2020

PANDUAN MENCUCI TANGAN

Mencuci tangan dengan teknik yang betul adalah amalan yang paling berkesan dalam mengurangkan penyebaran mikro organisma.

1. Tanggalkan semua barangan perhiasan seperti jam tangan, cincin sebelum prosedur mencuci tangan.
2. Basuh tangan dengan bahan pencuci tangan seperti air dan sabun atau menggunakan *hand sanitizer* berasaskan alcohol >70%.
3. Menggunakan sabun atau cecair antiseptic secukupnya; meliputi semua permukaan tangan dan jari dengan cara menggosok.
4. Pastikan kuku jari pendek dan jangan gunakan kuku palsu.

(Rujuk Garis Panduan Kawalan Infeksi di Fasiliti Kesihatan Primer, KKM edisi 2019).

LANGKAH-LANGKAH YANG BETUL MENCUCI TANGAN DENGAN AIR DAN SABUN

Tujuh (7) Langkah Cucian Tangan dengan air dan sabun :

- Basahkan tangan di bawah air yang mengalir. Kemudian, letakkan cecair sabun di tapak tangan dan diikuti dengan tujuh (7) langkah berikut:
 - i. Lekapkan kedua tapak tangan dan gosok
 - ii. Lekapkan tapak tangan kanan diatas *dorsum* tangan kiri dengan jari bersilang dan gosok. Ulangi langkah ini di tangan kiri.
 - iii. Lekapkan kedua tapak tangan dengan jari bersilang dan gosok.
 - iv. Genggam tangan kiri manakala tangan kanan menggosok di atas bahagian tangan kiri secara menurun. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
 - v. Gosok sekeliling ibu jari kiri dalam genggaman tapak tangan dan ulangi langkah ini di tangan sebelah.
 - vi. Kuncupkan jari tangan kanan di atas tapak tangan kiri dan gosok secara bertukar ke hadapan dan ke belakang. Ulangi langkah ini di tangan kanan.
 - vii. Gosokkan pergelangan tangan kiri secara putaran. Ulangi langkah ini di tangan kanan. Bilas dengan air dan keringkan dengan tisu/tuala yang bersih.

LANGKAH-LANGKAH YANG BETUL MENCUCI TANGAN DENGAN HAND SANITIZER

- Penggunaan cecair *antiseptic* atau *hand sanitizer* adalah apabila tiada sumber air dan sabun. hand sanitizer yang digunakan mestilah berasaskan kandungan alkohol >70%.
- Tempoh masa mencuci tangan menggunakan hand sanitizer adalah 20 -30 saat
- Langkah-langkah adalah seperti berikut:
 - i. Tuang hand sanitizer ke tapak tangan kiri, ratakan dengan jari tangan kanan, kemudian lakukan sebaliknya.
 - ii. Gosok kedua-dua tapak tangan.
 - iii. Gosok belakang tangan dan celah jari.
 - iv. Gosok setiap jari dan celah jari.
 - v. Gosok belakang jari kanan ke tapak tangan kiri. Ulang untuk kedua-dua tangan.
 - vi. Gosok ibu jari tangan kiri dalam gengaman tangan kanan dengan gerakan memutar, dan lakukan untuk ibu jari

AMALAN ETIKA BATUK DAN BERSIN

Batuk/bersin boleh menjadi penyumbang kepada penyebaran organisma. Etika batuk/bersin perlu diamalkan bagi mencegah penyebaran organisma yang boleh menyebabkan transmisi penyakit.

1. Etika Batuk

- a. Pakai pelitup separuh muka jika anda bergejala.
- b. Sekiranya tidak memakai pelitup separuh muka, tutup mulut dan hidung dengan siku atau tisu semasa batuk atau bersin.
- c. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah bertutup.
- d. Cuci tangan dengan air dan sabun atau hand sanitizer selepas batuk atau bersin.

PANDUAN PEMAKAIAN PELITUP SEPARUH MUKA

Pemakaian pelitup separuh muka adalah untuk melindungi mulut dan hidung dari jangkitan mikro organisma bawaan udara.

- Perlu dipakai oleh kakitangan yang berisiko (merawat penghuni yang sakit) dan bergejala
- Perlu dipakai oleh penghuni yang bergejala.
- Jika perlu keluar, pastikan memakai pelitup separuh muka setiap masa.
- Pakai pelitup separuh muka jika tidak dapat mengelak dari berada di tempat sesak. OKU atau individu yang tidak mampu

mengendalikan sendiri pelitup separuh muka tidak dibenarkan menggunakannya.

- Panduan pemakaian pelitup separuh muka dan perkara berikut harus diperhatikan:
 - i. Pelitup separuh muka perlu menutup hidung, mulut dan dagu sepenuhnya. Elakkan memakai di bawah hidung, bawah leher, atas kepala dan sebagainya.
 - ii. Bagi surgical mask 3-ply, bahagian yang berwarna mesti menghadap luar dan bahagian strip metalik mesti berada di bahagian atas hidung untuk tujuan memberi kekemasan.
 - iii. Pastikan strip di bahagian paling atas menutup bahagian hidung dan menarik bahagian bawah sehingga menutup dagu. Ini juga bagi mengelakkan pelitup separuh muka terbuka ketika sedang menggunakannya.
 - iv. Ikat tali atas mengelilingi kepala di atas paras telinga, kemudian ikat tali kedua di bawah paras telinga.
 - v. Pastikan pelitup separuh muka dipakai dengan kemas.
 - vi. Untuk menanggalkan pelitup separuh muka, pastikan bahagian dalam dilipat keluar.
 - vii. *Surgical mask* yang telah dipakai perlu dibalut dalam plastik yang diikat ketat, sebelum dibuang ke dalam tong sampah yang bertutup.
 - viii. Pastikan cuci tangan sebelum dan selepas memakai pelitup separuh muka.
 - ix. *Surgical mask* hanya boleh digunakan sekali sahaja, tidak boleh diguna semula.
 - x. Pelitup separuh muka *fabric* / bukan perubatan (non-medical) boleh diguna berulang kali. Walau bagaimanapun, ianya perlu

dicuci dengan air dan sabun serta dikeringkan di bawah matahari, pada setiap kali penggunaannya.

- xi. Tidak berkongsi pelitup separuh muka dengan orang lain.
- xii. Jangan meletakkan mask yang telah digunakan di merata tempat
- xiii. Tukar pelitup separuh muka sebaik sahaja ia basah / kotor / rosak/ tercemar dengan lelehan atau cecair tubuh,
- xiv. Penggunaan *surgical mask* tidak boleh melebihi dari 8 jam.
- xv. Elakkan menyentuh mata, hidung dan mulut. Cuci tangan sebelum menyentuh mata, hidung dan mulut

DISINFEKSI DAN PEMBERSIHAN PERMUKAAN, PAKAIAN DAN PERALATAN

Bahan	Tujuan	Larutan yang disarankan	Paras klorin dalam larutan
Peluntur	Membersihkan rembesan air liur, nanah dan lain-lain; di lantai dan permukaan	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 99 bahagian	0.05% atau 500 ppm
	Campuran kepada pakaian yang tercemar. Merendam mainan atau peralatan lain.	Campurkan satu (1) bahagian chlorox dengan 500 bahagian	0.01% atau 100 ppm

Nota: Larutan peluntur tidak boleh disimpan kerana kekuatan bancuhan akan berkurangan apabila telah bercampur dengan bahan organik atau setelah digunakan. Pastikan tiada bahan lain ditambah kepada bancuhan peluntur kerana ia mungkin menyebabkan tindakbalas yang tidak diingini.

Lantai :

Pastikan lantai dibersihkan setiap habis sesi. Jika pembersihan dilakukan semasa ada kanak-kanak, pastikan permukaan lantai dikeringkan bagi mengelakkan kemalangan.

Permaidani / tikar :

Peralatan ini perlu di bersihkan menggunakan alat pembersih hampagas (vacuum cleaner) secara berkala. Basuh dengan menggunakan syampu permaidani jika perlu.

Alat Permainan :

Permainan hendaklah dibersihkan dan didisinfeksi terutama jika ia digunakan oleh kanak-kanak yang suka menggigit permainan. Ia hendaklah didisinfeksi menggunakan larutan *chlorox* 0.01%. Pastikan permainan dibilas dan dikeringkan sebelum digunakan semula.

Tandas:

Bersihkan tandas setiap kali digunakan. Gunakan larutan *chlorox* 0.01%

BORANG AKUAN PENGISYTIHARAN KESIHATAN

Butir-butir peribadi

Tarikh:

1. Nama:
2. Umur:
3. Jantina
4. No kad pengenalan:
5. Alamat :
6. Nombor Telefon (rumah dan telefon bimbit):
7. Risiko Kesihatan:

	RISIKO DALAM MASA 14 HARI (TANDAKAN ✓)	Ya	Tidak
1	Andakah anda baru balik dari luar negara dalam masa 14 hari Jika ya, nyatakan negara yang dilawati _____		
2	Adakah anda menyertai Ijtimak Tabligh di Sri Petaling atau mana-mana kluster perhimpunan COVID-19		
3	Adakah anda ada kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19?		
	a. Adakah keluarga serumah anda disahkan positif COVID-19 ?		
	b. Berada bersama di dalam bilik tertutup yang menggunakan penghawa dingin lebih dari 2 jam		
	c. Bekerja /bersemuka dalam ruang tertutup yang sama, dalam jarak kurang dari 1 meter melebihi 15 minit		
	d. Menaiki kenderaan yang sama (melebihi 2 jam) dalam jarak 2 kerusi (2 meter) dari individu positif COVID-19		

8. Saringan Gejala Jangkitan Saluran Pernafasan

Adakah anda mempunyai gejala seperti di bawah dalam masa 14 hari

Simptom/gejala	Ya	Tidak
Demam		
Batuk		
Sakit Tekak		
Selsema		
Sesak nafas		
Lain-lain		

9. Pemeriksaan suhu badan : _____

RUJUKAN

- i. Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, KKM
- ii. Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit COVID-19 di Pusat Jagaan Warga Emas Kerajaan, Swasta dan Badan Bukan Kerajaan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan
- iii. Infection Prevention and control guidance for Long-term care facilities in the context of COVID-19 by WHO 21 March 2020
- iv. Annex 36 Tatacara Pembersihan Dan Disinfeksi Di Tempat Awam, Garis Panduan Pengurusan COVID-19 di Malaysia No.5/2020, Kementerian Kesihatan Malaysia
- v. Laman Web kementerian Kesihatan Malaysia di aputan <http://www.moh.gov.my/index.php/pages/view/2274>
- vi. Laman Web *Centers for Disease Control and Prevention*, Amerika Syarikat <https://www.cdc.gov/>